



# *Wadah Bahasa dan Sastera*

RUANGAN KELOLAAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA CAWANGAN SARAWAK

Berminat untuk menulis, sila hubungi **Editor WBS** di talian **082-227000**, atau e-melkan kepada **idzam@dbp.gov.my** dan **penerbitan.dbpsar@dbp.gov.my**

## Jiwa sajak membingkai masa

.....  
ROSANI HIPLÉE

**P**UISI yang baik dan indah akan berkalung panjang di leher zaman. Ia akan terus dibaca oleh orang yang terbuka pintu kalbu mereka melihat zamannya. Puisi bukan sepinggan nasi yang boleh mengenyangkan si lapar yang berhari tidak menyentuh sebutir nasi.

Puisi tidak mungkin mengantikan sebuah roti di antara alir darah dengan tembakan mortar di gurun dan padang pasir. Puisi sejarahnya panjang. Terentang. Kebeningannya untuk yang sudi hadir, bersimpuh dan membuka pintu rahsianya. Dan pada waktu yang lain, puisi akan bertukar menjadi gua gelap yang menyembunyikan rahsia demi rahsia yang tak terbacakan oleh kedangkanalan

akal dan fikir."

- Rahimdin Zahari, Minggu Penulis Remaja 2008  
Sesebuah sajak lazimnya ditulis dengan berdasarkan kehidupan masyarakat sezaman, maka penciptaan sajak tidak dapat disisihkan daripada situasi sosial budaya yang melatarinya. Justeru, jarak antara penyajak dan masyarakatnya hanyalah sejengkal. Kendatipun, kitaran kehidupan di dunia ialah fakta, cuma

yang membezakannya ialah masa dan situasi. Oleh itu, sering kali ditemukan tema dan persoalan yang ditafsirkan dalam sajak adalah serupa, yang berbeza ialah olahan gaya bahasa dan jiwa penyajaknya.

Sememangnya, menulis sajak ialah luahan jiwa dan fikiran. Menerusi sajak, penyajak akan menawarkan hati yang menderita, menjernihkan kabut dan kegusaran jiwa yang manusiawi. Dengan sajak juga, penyajak telah membingkaikan masa masyarakatnya. Namun sajak yang dihasilkan perlulah mempunyai jiwa kemanusiaan yang lestari dan nilai pemikiran yang bestari seperti yang ditemukan dalam karya-karya agung.

Oleh itu, syabas kepada penyajak muda seperti Intan Shafinaz, Abang Norhazam bin Abang Hassan dan Siti Nur Aishah Mat Hussin kerana sajak mereka telah disiarkan dalam ruangan Wadah Bahasa dan Sastera (WBS), akhbar Utusan Sarawak pada hari Khamis yang lepas.

Ketiga-tiga buah sajak yang disiarkan tersebut jelas menyangkut tentang kehidupan yang diharungi oleh setiap manusia di mayapada ini. Kesemuanya menyoroti lumrah kehidupan yang sesuai ditafsirkan bersama-sama. Mudah-mudahan nilai jiwa dan minda yang diolah tersebut dapat memaknakan sesuatu kepada khalayak pembaca.

Sajak "Roh dan Jasad Terpisah Adanya" oleh Intan Shafinaz bertemakan kehidupan yang fitrah. Menerusi sajak ini, penyajak memujuk jiwa yang gundah akibat perbuatan manusia yang angkuh pada penciptaan dirinya. Pada hal semua itu tiada yang kekal.

Dalam rangkap pertama, penyajak mengakui bahawa dirinya mudah alpa dengan kehidupan dunia yang pura-pura dan menyakitkan hingga ada yang menderita dan terluka. Misalnya dalam rangkap berikut;

Mengapa aku sering terlekaDalam dunia yang penuh sengketaPenuh penipuan dan buruk sangkaYang terpendam di dalam dadaSeperti pekung membusuk terluka

(rangkap 1, puisi "Roh dan Jasad Terpisah Adanya")

Menerusi rangkap seterusnya pula, penyajak berusaha menemukan pencerahan dalam diri agar jiwanya terpelihara daripada anasir yang meragukan. Malah penyajak mahu menyedarkan masyarakat bahawa tiada yang abadi dalam kehidupan ini kerana semuanya akan mati apabila tiba tempoh masanya kelak. Misalnya;

Ingalah semuaHidup ini hanyalah sementaraTiada yang kurang Tiada yang sempurna Kita semuanya samaMenjadi khalifah di bumi yang nyataAkan mati apabila tiba masanya.

(rangkap 2, puisi "Roh dan Jasad Terpisah Adanya")

Sajak ini berbentuk bebas dan dibina dengan mengungkapkan tiga buah rangkap yang sederhana baris-baris kata. Pernyataan sajak pula agak langsung. Pemilihan diksinya mudah difahami. Manakala, penggunaan unsur-unsur persajakan seperti perlambangan, personifikasi, metafora dan lain-lainnya masih perlu diolah dengan baik lagi agak isi sajak secara lebih menyeluruh.

Walaupun sajak ini dibangunkan dalam rangkap dan ungkapan yang sederhana tapi pesan penyajak jelas disampaikan kepada pembaca untuk ditafsirkan. Sajak ini menyatakan bahawa dalam kehidupan di dunia ini, usahlah mendabik dada dengan apa adanya kerana apabila sampai masanya kelak, kematian merupakan pengakhirannya. Maka diri pun lenyap di dunia begitu sahaja jika selama hayatnya tiada menyumbang apa-apa untuk dikenang. Misalnya;

Ucapan maaf tidak berguna Roh dan jasad terpisah adanyaTanda hilang di dunia.

(rangkap 2, puisi "Roh dan Jasad Terpisah Adanya")

Tema sajak ini serupa dengan sajak "Tetamu Senja" karangan A. Samad Said. Misalnya:

Kita datang ini hanya sebagai tetamu senjilla cukup detik kembaliilah kita kepada-Nya.Kita datang ini kosong tangan kosong dadabila pulang nanti bawa dosa bawa pahala.

Pada tetamu yang datang dan kenal jalan pulang-bawalah bakti mesra kepada Tuhan kepada Insan. Pada tetamu yang datang dan lupa jalan pulang-sahlah derhaka pula kepada Tuhan kepada insan.

Bila kita lihat manusia lupa tempatatau segera sesat puja darjat puja pangkatsegera kita insaf – kita ini punya kiblat,segera kita ingat – kita ini punya tekad.

Bila kita lihat manusia terbiar larathingga mesti merempat ke biru laut ke kuning daratharus kita lekas sedar penuh pada tugas-harus kita tegas sembah seluruh rasa belas

Kita datang ini satu roh satu jasadbila pulang sekali bawalah bakti padat berkati!

*Utusan Zaman*  
13 November 1955

# Menulis pada tahun 2020

untuk ruangan Yang Indah Itu Bahasa (YIIB) dan Wadah Bahasa dan Sastera (WBS)

**kelolaan Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak**

**Puisi, Cerpen, Esei Kritikan, Artikel dan Berita Kegiatan**  
yang berkaitan dengan bahasa dan sastera.

\*Cerpen/esi dan berita (8-12 halaman, saiz fon 12 poin dan langkau dua baris).  
Puisi (1 halaman). Semua karya hendaklah ditulis dalam bahasa kebangsaan.

**Tiada Syarat Akademik.**  
Hanya karya yang layak selepas dinilai akan disiarkan.

**Bayaran Honorarium**  
tertakluk kepada perkiraan yang telah ditetapkan.

**Jangan lupa,**  
setiap karya hendaklah disertakan dengan  
**nama penuh, alamat, no. kad pengenalan, no. telefon,**  
**nama bank dan nombor akaun anda.**

**Alamat Pos**  
Editor YIIB dan WBS  
Unit Penerbitan, Aras 2,  
Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak,  
Jalan Tun Abdul Rahman Yaakub,  
93050 Kuching, Sarawak.

**Telefon**  
082-227000

**E-melkan ke**  
zubaidah@dbp.gov.my  
penerbitan.dbpsar@dbp.gov.my